



JPA.SARAAN 223/5/4-3 Jld.3 (11)

30 Jun 2016

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg./YB Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**PELEPASAN KHAS DARIPADA BERTUGAS PADA
8 JULAI 2016**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Kerajaan telah bersetuju untuk memberikan pelepasan khas daripada bertugas pada 8 Julai 2016 kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan sekiranya Hari Raya Aidilfitri diisytiharkan pada 6 Julai 2016. Walau bagaimanapun, pelepasan khas daripada bertugas ini tidak terpakai sekiranya Hari Raya Aidilfitri diisytiharkan pada 5 Julai 2016.

3. Pemberian pelepasan khas daripada bertugas pada 8 Julai 2016 hanya terpakai kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang berkhidmat di negeri-negeri yang hari kelepasan mingguannya ialah pada hari Ahad.


4. Pemberian pelepasan khas daripada bertugas ini hanya terpakai pada tahun ini sahaja dan tidak boleh dijadikan duluan (*precedent*) bagi apa-apa tujuan di masa hadapan.

5. Tertakluk kepada penerimaan pakai oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Surat Edaran ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(TAN SRI MOHAMAD ZABIDI ZAINAL)

**FAQ SURAT EDARAN JPA.SARAAN 223/5/4-3 Jld.3 (11) BERTARIKH 30 JUN 2016
PELEPASAN KHAS DARIPADA BERTUGAS PADA 8 JULAI 2016**

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
1.	Adakah pegawai Perkhidmatan Awam yang berkhidmat di negeri-negeri yang hari kelepasan mingguannya adalah pada hari Jumaat juga layak diberikan pelepasan khas daripada bertugas pada 8 Julai 2016 (Jumaat)?	Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang berkhidmat di negeri-negeri yang hari kelepasan mingguannya pada hari Jumaat tidak layak pelepasan khas daripada bertugas pada 8 Julai 2016 (Jumaat) kerana hari Jumaat merupakan hari kelepasan mingguan.
2.	Adakah pegawai yang diarahkan bertugas pada 8 Julai 2016 (Jumaat) layak membuat tuntutan Bayaran Lebih Masa/Cuti Gantian?	Pelepasan khas daripada bertugas ini <u>bukan merupakan hari kelepasan am</u> (<i>public holiday</i>). Oleh itu pegawai yang diarahkan bertugas pada 8 Julai 2016 oleh Ketua Jabatan adalah layak membuat tuntutan Bayaran Lebih Masa menggunakan kadar hari bekerja biasa atau Cuti Gantian yang mana berkenaan.
3.	Bagaimanakah kedudukan Cuti Rehat pada 8 Julai 2016 yang telah diluluskan?	Sekiranya Hari Raya Aidilfitri diisytiharkan pada 6 Julai 2016 dan pegawai diberikan pelepasan khas daripada bertugas pada 8 Julai 2016 (Jumaat), maka pegawai boleh memohon untuk membatalkan Cuti Rehat yang telah diluluskan pada 8 Julai 2016 melalui Ketua Jabatan masing-masing.

